

07 DEC 2002

Sorotan-Wanita

KISAH AIDA MELLY MENYINGKAP MASALAH GANTUNG TAK BERTALI

Oleh: Sharifah Nur Shahrizad

KUALA LUMPUR: Kontroversi kes tuntutan cerai taklik seorang ibu tunggal, Aida Melly Tan Abdullah, 36, adalah antara isu sosial yang mendapat publisiti meluas tahun ini khususnya berhubung wanita.

Tempoh hampir tujuh tahun bagi Mahkamah Syariah memutuskan kes itu menimbulkan pelbagai reaksi masyarakat terutama kaum wanita yang merasa sangat kesal kerana ia berlarutan terlalu lama.

Kes itu bermula dengan permohonan fasakh Aida Melly daripada suaminya, Khairul Anuar Kamaruddin, 42, awal 1996 berikutan seksaan mental dan fizikal yang dialaminya. Menyusul kemudian ialah permohonan yang difailkan Khairul pada 30 Jun 1996 meminta supaya mahkamah mengisytiharkan isterinya itu nusyuz (membanggang atau derhaka).

Setahun kemudian Aida Melly memfailkan pula permohonan cerai taklik yang kemudiannya dibicarakan bersama dengan permohonan Khairul pada Ogos 1997 hingga Januari 1998 dan perbicaraan berakhir Mac 1998.

Keputusannya, mahkamah memutuskan Aida Melly tidak nusyuz dan permohonan cerai takliknya disabitkan.

Namun, keputusan yang menyebelahi ibu tunggal itu membuatkan Khairul tidak berpuas hati lantas mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah memohon supaya sabit kesalahan itu digantung sementara menunggu rayuan kes Mahkamah Tinggi.

#### PERJUANGAN SELESAI

Masa berlalu. Perjuangan Aida Melly dalam tuntutannya itu akhirnya selesai apabila Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengeluarkan Surat Perakuan Cerai pada 25 Oktober lepas yang disifatkan Aida Melly sebagai 'lambang' kesengsaraan yang dilaluinya selama tujuh tahun.

Ekorannya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri menyeru Mahkamah Syariah supaya segera menyelesaikan kes-kes tertunggak untuk mengelak kekecewaan orang ramai dan menangkis andaian atau dakwaan kononnya Mahkamah Syariah lembab dan lemah.

Beliau menyifatkan kelewatan Mahkamah Syariah menyelesaikan kes perceraian tidak sahaja memberi imej buruk terhadap pentadbiran bahagian hal ehwal Islam malah menjejaskan imej Islam.

Bagaimanapun kes Aida Melly tidak berakhir di situ sahaja. Ia kembali hangat setelah Khairul mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang membatalkan perintah penggantungan taklik.

Situasi itu menambah kekeliruan orang ramai terhadap prosiding Mahkamah Syariah yang memberi kebenaran mengemukakan rayuan walaupun setelah Surat Pengesahan Cerai dikeluarkan.

Isu itu memaksa dua orang mufti iaitu Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Hashim Yahya dan Mufti Datuk Sheikh Hasbullah Abdul Halim memberi pandangan bahawa sesuatu perceraian sama ada secara taklik atau lafaz tidak boleh dirayu lagi di mahkamah kerana ia sudah muktamad.

#### KOD AMALAN GANGGUAN SEKSUAL

Turut menghangatkan isu wanita tahun ini ialah keputusan untuk memperluaskan penggunaan kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja.

Kajian 'The Women's Development Collective' dan 'All Women's Action Society' mendedahkan bahawa 92.8 peratus wanita menjadi mangsa kepada

sesuatu bentuk gangguan seksual di tempat kerja.

Pengumuman Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil bahawa kod amalan itu sedang dikaji untuk digunapakai sektor awam dan diserapkan ke dalam perintah am perkhidmatan disambut baik oleh kaum wanita yang sering menjadi mangsa keadaan.

Ternyata, penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tahun lalu yang diketuai Shahrizat membawa perubahan besar terutamanya dalam kelantangan bersuara dan perjuangan hak kaum wanita.

Kod amalan itu telah diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Manusia kepada syarikat-syarikat swasta pada 1999, namun penggunaannya masih tidak diamalkan secara menyeluruh.

Shahrizat berkata tempoh masa percubaan selama setahun, iaitu sehingga Februari tahun depan diberikan sebelum mengkaji kemungkinan menjadikan kod amalan itu sebagai satu akta.

Pertengahan tahun ini pula menyaksikan banyaknya berita-berita mengenai penderitaan dan kesulitan golongan ibu tunggal.

#### BELA NASIB IBU TUNGGAL

Demi prihatin kepada golongan itu, Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia ditubuhkan 5 Mei lepas untuk memastikan masalah yang sering membelenggu mereka mendapat penyelesaian segera selain memperjuangkan isu-isu terutamanya dari segi perundangan.

Shahrizat berkata kajian juga akan dijalankan untuk mengenal pasti kesulitan yang dihadapi golongan itu bagi membolehkan program yang bersesuaian dibangunkan untuk mereka.

Kebajikan golongan ibu tunggal turut mendapat perhatian menerusi Bajet 2003 yang memberi keutamaan kepada ibu tunggal yang berpendapatan kurang RM600 sebulan untuk memiliki rumah kos rendah secara berkelompok.

Biarpun bukan merupakan isu utama, namun cadangan Shahrizat untuk menggantikan panggilan 'anak luar nikah' kepada 'anak tidak sah taraf' menarik perhatian masyarakat.

Senat diberitahu bulan lepas bahawa seramai 53,309 kanak-kanak yang dilahir di luar nikah atau selepas 280 hari ibu-bapa mereka bercerai, telah didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara daripada 1999 hingga tahun lalu.

Cadangan itu yang antara lain bertujuan mengikis rasa rendah diri dan trauma kepada anak-anak yang dilahirkan tanpa ikatan perkahwinan yang sah, juga dapat membantu wanita-wanita yang melahirkan anak tidak sah taraf dan juga keluarga angkat anak-anak itu di kemudian hari.

Walaupun cadangan itu belum diputuskan, namun ia memberikan sinar harapan bahawa anak-anak itu tidak akan lagi digolongkan sebagai masyarakat kelas kedua atau dipinggirkan kerana status mereka.

#### BELANJAWAN MESRA WANITA

Selain itu, Bajet 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad September lalu turut menarik perhatian apabila ia disifatkan sebagai belanjawan mesra wanita dengan memberikan peruntukan tambahan kepada kementerian itu sebanyak 68 peratus berbanding tahun ini menjadikannya berjumlah RM99.1 juta.

Sewaktu membentangkan bajet, Dr Mahathir berkata peruntukan itu selaras dengan pengiktirafan berterusan yang diberikan kerajaan terhadap sumbangan dan peranan wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Berikutan kes rogol dan pembunuhan kanak-kanak perempuan Siti Nurliyana Syamimi Rosdi, 2, pada 30 Oktober lepas di Alor Setar, Kedah, timbul cadangan supaya perogol kanak-kanak yang disabit kesalahan dikenakan hukuman bunuh.

Cadangan itu bagaimanapun mencetuskan polemik. Ada pihak berpendapat

hukuman bunuh tidak semestinya berkesan dalam mencegah kes rogol.

Tetapi apa yang pasti, undang-undang berhubung kesalahan rogol sedang diteliti semula supaya perogol kanak-kanak dikenakan hukuman lebih berat daripada hukuman maksimum 20 tahun sekarang ini.

Melihat kepada perkembangan positif berkaitan isu-isu kewanitaan ini, boleh dikatakan, kedudukan kaum wanita di Malaysia boleh dibanggakan. Mereka memperoleh pembelaan yang sewajarnya.--Bernama

SNS ZS RR